



## HARI AUDIT DAN PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM TAHUN 2022/2023

17 Januari 2023 (Selasa)

Secara Bersemuka

### Panduan

---

#### 1. Kemudahan Pengangkutan Dari Lapangan Terbang (Peserta JAN Negeri)

- Kemudahan bas/kenderaan jabatan disediakan dari lapangan terbang (KLIA dan KLIA 2 sahaja) ke Hotel Everly Putrajaya. Sehubungan itu, setiap peserta dikehendaki memaklumkan awal kepada Jawatankuasa Pengangkutan (**En. Yusri : 016-225 4531**) bagi tujuan penyelarasan pengangkutan.
- Makluman lanjut berhubung pengangkutan akan diuruskan oleh Jawatankuasa Pengangkutan.

#### 2. Penginapan di Hotel Everly, Putrajaya (Peserta JAN Negeri)

- *Check-in* di **kaunter hotel** seawal jam 3.00 petang.
- Peserta yang membawa kenderaan sendiri, boleh meletakkan kenderaan di ruangan *basement* hotel di Aras B1 dan B2. Tiada bayaran dikenakan bagi tetamu hotel (tiket perlu dicop di kaunter hotel sebelum mengeluarkan kenderaan).
- Makan malam tidak disediakan.
- Sarapan pagi pada 17 Januari 2023 (Selasa) bermula jam 6.30 pagi di Fuze Restaurant (bersebelahan lobi hotel).
- *Check-out* pada 17 Januari 2023 (Selasa) perlu dibuat **sebelum jam 8.00 pagi**. (bagi yang bercadang untuk menginap lanjut, pembayaran penginapan adalah menggunakan peruntukan sendiri di bawah kelulusan Ketua Jabatan masing-masing).
- Bagi yang bercadang menginap lanjut, sila maklumkan kepada pihak Urus Setia (**Pn. Noraswani: 014-642 3515**) **selewat-lewatnya pada 13 Januari 2023 (Jumaat) jam 3.00 petang** bagi tujuan penyelarasan.

- Ruangan penyimpanan bagasi akan disediakan oleh pihak hotel bagi peserta yang *check-out* pada 17 Januari 2023 (Selasa). Peserta tidak dibenarkan membawa bagasi ke lokasi persidangan.
- Untuk pertanyaan berkaitan penginapan, sila hubungi Jawatankuasa Penginapan (**Pn. Norshahida : 019-2353710**).

### **3. Pengangkutan Ke Lokasi Persidangan (Peserta JAN Negeri)**

- Bas akan bergerak dari lobi hotel ke Dewan Damar Sari 1 & 2 pada jam **8.00 pagi** pada **17 Januari 2023 (Selasa)**.

### **4. Amalan SOP COVID-19**

- Bagi peserta yang bergejala demam, batuk dan selsema diwajibkan memakai topeng pelitup muka sepanjang masa.

### **5. Pendaftaran Hari Audit & Persidangan**

- Setiap peserta dikehendaki mendaftar di kaunter pendaftaran di **aras 3** (Dewan Damar Sari 1 dan 2) sebanyak **dua kali** iaitu pada sesi pagi dan sesi petang melalui QR Code yang disediakan.
- Pakaian adalah pakaian pejabat (baju korporat adalah tidak digalakkan).

### **6. Semasa Persidangan**

- Setiap peserta dikehendaki menepati masa yang telah ditetapkan seperti dalam atur cara program dan mengurangkan pergerakan keluar masuk dewan.
- Peserta boleh mengunjungi *booth* pameran/jualan yang disediakan di luar dewan persidangan pada waktu rehat dan makan minum sahaja.

### **7. Makanan dan Minuman**

- Makanan dan minuman disediakan sepanjang masa persidangan (minum pagi, makan tengah hari dan minum petang)
- Edaran makanan dan minuman secara *packed food* akan dibuat di **aras 2**. Peserta tidak dibenarkan membawa *packed food* ke dewan persidangan dan di ruangan sofa.

Lokasi untuk makan adalah di tempat yang telah dikhususkan dan akan dimaklumkan oleh Pengacara Majlis.

#### **8. Surau**

- Kemudahan surau disediakan di **aras 2**.

#### **9. Tempat Meletak Kenderaan**

- Peserta yang membawa kenderaan sendiri, boleh meletakkan kenderaan pelawat di P2 dan P3 blok F8 (tiada bayaran dikenakan).

#### **10. Pengangkutan Ke Hotel/ Lapangan Terbang (Peserta JAN Negeri)**

- Kemudahan bas disediakan bagi pergerakan ke hotel selepas persidangan dan seterusnya ke lapangan terbang.
- Pengangkutan ke lapangan terbang tidak disediakan bagi yang bercadang untuk menginap lanjut.

#### **11. Hal-hal Lain**

- Sebarang maklumat berkaitan Sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2022/2023 termasuk slaid pembentangan, sila layari **<https://hariaudit.audit.gov.my/>**
- Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Urus Setia (sila rujuk di buku program).

Terima Kasih. Selamat Bersidang!